KKDW.100-2/7/1(45)



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) *MOBILE*

24 MEI 2024 (JUMAAT)

KOMPLEKS TEMPAT LETAK KERETA
KUALA TAHAN, JERANTUT, PAHANG.

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad
EXCO Hal Ehwal Agama Islam
Kemajuan Desa Dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

Yang Berbahagia Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Yang Hormat Dato' Sharudin bin Jali
Pegawai Daerah Jerantut

Yang Berbahagia Dato' Mohd A. Aruwan bin Ab Aziz
Pengarah
Pejabat KKKDW Negeri Pahang

Ketua-Ketua Kampung,

Yang Berbahagia Dato' Sri, Datuk-Datuk, Tuan/Puan para hadirin yang dihormati sekalian,

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.

SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena **Program Pusat Komuniti Desa (PKD) *Mobile*** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut; dan Majlis Daerah Jerantut.

2. Saya merasa amat bertuah dan berbesar hati dapat berhimpun dan bersua muka dengan pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai dan anggota pelaksana daripada Kementerian/Jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak swasta di dalam satu program. Sesungguhnya, kehadiran dan penglibatan semua pada hari ini adalah cerminan kepada semangat kebersamaan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk di luar bandar seperti di Daerah Jerantut ini.

3. Tahniah dan syabas kepada pihak urus setia, Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) selaku penganjur program, termasuk juga kepada Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut; dan Majlis Daerah Jerantut selaku penganjur bersama yang menjayakan program PKD *Mobile* ini.

4. Saya merasa amat berbangga dapat hadir bagi merasmikan Program PKD *Mobile* di Daerah Jerantut ini. Penganjuran program ini membuktikan komitmen berterusan KKDW untuk menyantuni penduduk di luar bandar sesuai dengan peranannya sebagai peneraju kemajuan luar bandar selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan pada hari ini yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat.

PENDAHULUAN

Dato’ Sri, Datuk-Datuk, hadirin yang dihormati sekalian.

5. Untuk makluman semua, Pusat Komuniti Desa (PKD) berbentuk fizikal yang sebelum ini dikenali sebagai *Rural Transformation Center* (RTC) dan Mini RTC merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam usaha untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar selari dengan moto PKD iaitu **"Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan".** Sehingga kini terdapat sebanyak 191 buah PKD di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Di Negeri Pahang ini terdapat 20 buah PKD yang setiap satunya diuruskan oleh seorang Pengurus dan di dalam Daerah Jerantut ini terdapat sebuah PKD iaitu yang terletak di Ulu Cheka. Secara umumnya, PKD memberi khidmat kepada masyarakat luar bandar melalui **lima (5) fungsi dan peranannya** iaitu sebagai **pusat latihan kemahiran dan keusahawanan** di mana pelbagai latihan kemahiran dianjurkan contohnya kemahiran dalam bidang masakan, jahitan, teknologi ICT, pembuatan produk kraftangan, gubahan, pembuatan sabun, pembaikan peralatan elektrik dan sebagainya. Pengurus PKD turut berperanan membantu mereka yang berhasrat untuk menjadi usahawan setelah memperolehi kemahiran yang diperolehi daripada latihan kemahiran yang saya sebutkan tadi.

6. Selain itu, PKD juga berperanan sebagai **pusat aktiviti pemerkasaan wanita** melalui program seperti kesedaran berkaitan kesihatan wanita, bimbingan keusahawanan wanita dan sebagainya. Seterusnya ia juga berperanan sebagai **pusat perkhidmatan setempat** di mana dari semasa ke semasa Agensi Kerajaan atau swasta seperti POS Malaysia, Tabung Haji, Jabatan Pendaftaran Negara, JPJ, KKM dan sebagainya akan mengadakan perkhidmatan bergerak di PKD**.** Selain itu**,** PKD turut berperanan sebagai **pusat sukarelawan**

melibatkan pelajar-pelajar IPT dan NGO bila mana berlakunya bencana seperti banjir dan sebagainya, selain turut berperanan sebagai **pusat pengumpulan produk usahawan desa**. Malah, dari segi pendigitalan yang hangat diperkatakan sekarang, PKD turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan literasi digital di kalangan komuniti luar bandar melalui program-program yang dilaksanakan di PKD.

PERUNTUKAN BAGI PROGRAM PEMERKASAAN PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe12)

Dato' Sri, Datuk-Datuk, hadirin yang dihormati sekalian.

7. Bagi memastikan peranan PKD di kawasan luar bandar terus diperkasa, bagi tahun 2024 ini, sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Bagi tempoh RMKe-12, iaitu dari tahun 2021 hingga akhir April 2024, sebanyak 19,736 program telah dilaksanakan oleh PKD di seluruh negara melibatkan program-program yang saya telah sebut tadi yang mana telah memanfaatkan kira-kira 565,531 orang penduduk luar bandar di seluruh negara khususnya yang tinggal di sekitar di mana sesebuah lokasi PKD tersebut. Bagi PKD di Negeri Pahang, sejak tahun 2021 hingga April 2024, sebanyak 1,703 program telah dilaksanakan oleh PKD Negeri Pahang yang telah memanfaatkan kira-kira 72,432 orang penduduk luar bandar di Negeri Pahang.

8. KKDW akan terus melaksanakan pelbagai program/aktiviti di PKD di samping terus memperkasakannya demi kesejahteraan hidup penduduk-penduduk luar

bandar. Di samping mengadakan pelbagai program/aktiviti, bermula pada tahun lepas, KKDW telah mengambil tindakan membuat penggantian komputer-komputer (PC) dan alatan ICT lain serta penghawa dingin di PKD-PKD. InsyaAllah pada tahun ini sebanyak kira-kira satu juta Ringgit akan diperuntukkan untuk menggantikan meja-meja yang telah sekian lama tidak diganti. Kesemuanya adalah demi memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk di komuniti luar bandar semasa mendapatkan perkhidmatan di PKD.

PKD *MOBILE* SEBAGAI *GAME CHANGER* KESEJAHTERAAN RAKYAT

Dato' Sri, Datuk-Datuk, hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dengan hasrat untuk memastikan perkhidmatan kepada penduduk luar bandar lebih menyeluruh dan inklusif, maka bermula tahun lepas **Program PKD *Mobile*** telah diperkenalkan dan dijadikan sebagai salah satu daripada program *quick wins* KKDW. Ia bertujuan memperluas perkhidmatan PKD sedia ada termasuk perkhidmatan Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta dalam bentuk kaunter perkhidmatan yang akan bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar yang terpilih. Ia juga boleh dianggap sebagai satu program *reach out* Kementerian bagi menyantuni penduduk-penduduk di luar bandar. Pada tahun 2024, program ini akan terus dilaksanakan kerana terbukti mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat setempat di 3 lokasi yang telah dilaksanakan PKD Mobile tahun lepas iaitu di Grik Perak, Nabawan Sabah dan di Kota Samarahan, Sarawak.

10. Secara umumnya, pelaksanaan program ini melibatkan **kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan PKD** sedia ada atau yang terletak jauh dari bandar, bagi membolehkan komuniti di kawasan itu mendapatkan perkhidmatan bukan hanya daripada PKD malah perkhidmatan-perkhidmatan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain termasuk pihak swasta tanpa perlu membuat perjalanan yang jauh. Manfaat yang boleh diperoleh daripada program ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu pertama, penduduk dapat mengetahui dan seterusnya membuat permohonan bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan, kedua, mendapatkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dan ketiga khidmat nasihat oleh Jabatan/Agensi Kerajaan di kaunter bergerak selain aktiviti-aktiviti sampingan lain yang disediakan.

11. Pada hari ini sehingga Ahad nanti terdapat pelbagai bentuk bantuan, perkhidmatan, khidmat nasihat dan aktiviti disediakan kepada penduduk Kuala Tahan. Saya difahamkan bahawa jumlah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk swasta yang turut bersama-sama dengan PKD Mobile pada hari ini adalah sebanyak **23** kesemuanya. Oleh itu, saya ingin merakamkan setingi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penyertaan dari semua Kementerian/Jabatan/Agensi dan pihak swasta yang menjayakan Program PKD Mobile pada kali ini. Suka saya sebutkan di sini Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan tersebut adalah seperti berikut:

i. **KKDW melalui Bahagian di bawahnya iaitu Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD) dan Bahagian Kesejahteraan Rakyat (KR)**
ii. **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)**

iii. **Felcra**

iv. **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**

v. **GIATMARA**

vi. **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN)**

vii. **Pejabat Pembangunan Negeri (PPN), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri**

viii. **Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**

ix. **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**

x. **Jabatan Penerangan Malaysia**

xi. **Ibu Pejabat Polis Daerah Jerantut**

xii. **Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Jerantut**

xiii. **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**

xiv. **Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK)**

xv. **Radio Televisyen Malaysia (RTM)**

xvi. **Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP)**

xvii. **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

xviii. **Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SECCOM)**

xix. **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

xx. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

xxi. **Lembaga Tabung Haji**

xxii. **Telekom Malaysia (TM)**

xxiii. **E- Lokal**

12. Selain itu, saya turut difahamkan terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti lain yang turut dijalankan pada untuk tiga hari ini seperti latihan kemahiran berkaitan gubahan orked, seni gelang getah bermanik, kraftangan gelang getah rambut bagi kanak-

kanak turut dilaksanakan khusus untuk penduduk Jerantut. Terdapat juga aktiviti sampingan seperti pertandingan karaoke, cabutan bertuah, kuiz *Kahoot*, permainan dam aji dan dam ular gergasi, pertandingan sukaneka desa, *soopa doopa* dan karikatur digital.

13. Tidak cukup dengan itu, di atas keprihatan Kerajaan Madani juga, atas dasar untuk mengurangkan beban sara hidup rakyat maka hari ini dibawakan kepada kita Jualan Rahmah yang diterajui oleh **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** dan **FELCRA Berhad** di mana jualan rahmah ini sangat membantu mengurangkan beban rakyat kerana menawarkan harga barang-barang keperluan seperti beras, minyak masak, gula dan lain-lain di bawah harga pasaran semasa. Maka rebutlah peluang mendapatkan barang-barang keperluan harian dengan harga yang istimewa pada hari ini.

14. Di pihak KKDW, program ini akan dijadikan sebagai satu platform untuk menyantuni penduduk-penduduk di luar bandar yang tinggal jauh dari bandar selain mendapatkan input dan maklum balas berkaitan perkhidmatan Kerajaan daripada masyarakat luar bandar melalui soal selidik ringkas yang akan dijalankan sepanjang program berlangsung. Dengan cara ini, KKDW dapat mengenal pasti keperluan sebenar penduduk di sesuatu kawasan terbabit dan membuat penambahbaikan kepada program dari semasa ke semasa.

PERANCANGAN DAN HALA TUJU PKD *MOBILE*

Dato’ Sri, Datuk-Datuk, Tuan/Puan hadirin sekalian,

15. Bagi tahun 2024, Kementerian telah mensasarkan pelaksanaan sebanyak 5 siri PKD Mobile di seluruh Malaysia. Bagi siri pertama tahun 2024, PKD Mobile telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama strategik melibatkan **21 buah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan serta pihak swasta**. Program tersebut telah dikunjungi oleh seramai 1,254 orang pengunjung yang rata-rata merupakan penduduk luar bandar di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain PKD Mobile, Kementerian turut merancang melaksanakan sebanyak 5 lagi Mini PKD Mobile yang mana Mini PKD Mobile ini dilaksanakan mengikut konsep yang sama dengan PKD Mobile tetapi pada skala yang lebih kecil dan lokasi program juga lebih jauh dari bandar atau di pedalaman.

16. Mengambil kira hasil Kajian Separuh Penggal RMKe-12, PKD akan diperkasakan sebagai hub pengumpulan produk-produk usahawan luar bandar. Justeru, melalui PKD Mobile ini akan dijadikan platform untuk mencari usahawan-usahawan luar bandar yang mempunyai produk yang boleh dipasarkan secara atas talian melalui platform pemasaran produk atas talian di bawah KKDW iaitu Desamall. Saya percaya di Pahang ini juga terdapat usahawan-usahawan yang yang mempunyai produk-produk yang berpotensi untuk dipasarkan ke luar. Saya difahamkan sejumlah usahawan telah dipanggil untuk proses *onboarding* untuk produk mereka dipasarkan di dalam Desamall. Dengan demikian, ia bukan sahaja tambahan nilai kepada usahawan di luar bandar, malah untuk jangka panjang ia berupaya mengurangkan penghijrahan anak muda ke bandar.

PENUTUP

Dato’ Sri, Datuk-Datuk, hadirin yang dihormati sekalian,

17. Dengan adanya peluang dan inisiatif yang telah dirancang oleh Kementerian, saya berharap supaya sinergi kerjasama dan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di samping oleh pihak swasta terus diperkukuh dalam melaksanakan segala yang telah dirancang dengan jayanya. Harapan saya agar program ini dapat diteruskan secara konsisten kerana saya yakin bahawa ianya dapat memberi impak yang signifikan kepada kesejahteraan masyarakat di luar bandar khususnya di Daerah Jerantut ini.

18. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program PKD *Mobile* ini.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Program PKD *Mobile* di Kompleks Tempat Letak Kereta Kuala Tahan, Jerantut, Pahang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG

TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

24 Mei 2024